



PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

PEKELILING PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 2 TAHUN 2012

Semua Ketua Jabatan Negeri
Terengganu.

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJAWAN NEGERI TAHUN 2013

TUJUAN

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan dalam menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri bagi tahun 2013.

SENARIO EKONOMI NEGARA

2. Pemulihan ekonomi global berterusan pada suku keempat 2011 tetapi pada kadar yang lebih sederhana. Prospek pertumbuhan telah menjadi semakin tidak menentu terutamanya kerana kebimbangan yang semakin meningkat terhadap penyelesaian krisis hutang negara di Eropah, pertumbuhan ekonomi negara maju yang terjejas kerana pengangguran yang tinggi, isu-isu fiskal dan pertumbuhan di Asia yang dipengaruhi oleh permintaan luaran yang lebih lemah.

3. Di sebalik persekitaran luaran yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 5.2% pada suku keempat 2011 berbanding 5.8% pada suku ketiga. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang didorong oleh perbelanjaan sektor isi rumah dan perniagaan yang terus meningkat serta perbelanjaan sektor awam. Bagi tempoh yang sama kadar inflasi pula menurun kepada 3.2% berbanding 3.4% pada suku ketiga. Oleh itu bagi tahun 2011 secara keseluruhannya, ekonomi negara berkembang sebanyak 5.1%.

4. Pemulihan ekonomi global dijangka terus tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi negara pula akan dipengaruhi oleh persekitaran luaran yang semakin mencabar tetapi permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, yang disokong terutamanya oleh kegiatan sektor swasta yang berterusan dan perbelanjaan sektor awam.

SENARIO SEMASA NEGERI

5. Defisit Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan menjadi faktor utama yang membataskan keupayaan perbelanjaan. Perbelanjaan mengurus telah meningkat 21.28% iaitu kepada RM2,049.87 juta pada tahun 2011 berbanding RM1,690.22 juta pada tahun 2010. Dari aspek prestasi perbelanjaan mengurus berbanding bajet tahunan, Kerajaan telah mencapai prestasi perbelanjaan sebanyak 98.18% berbanding 86.90% dalam tahun 2010. Kerajaan juga telah memperolehi hasil RM2,312.65 juta dalam tahun 2011 berbanding RM1,892.96 juta pada tahun sebelum. Peningkatan 22.17% ini adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan di dalam penerimaan Pemberian Dana Khas yang secara tidak langsung telah menyebabkan prestasi hasil keseluruhan meningkat kepada 122.50% berbanding 100.59% tahun sebelum.

6. Pertambahan hasil ini telah mengurangkan defisit dalam Akaun Hasil Disatukan daripada defisit RM496.27 juta tahun 2010 kepada defisit RM233.49 juta pada 31 Disember 2011. Bagaimanapun defisit dalam Kumpulan Wang Pembangunan telah meningkat daripada defisit RM437.12 juta pada tahun 2010 kepada defisit RM658.29 juta pada 31 Disember 2011. Ini kerana Kerajaan tidak dapat membuat caruman sepenuhnya kepada Kumpulan Wang ini bagi menampung keseluruhan perbelanjaan pembangunan yang berjumlah RM1,074.94 juta pada tahun tersebut berikutan kedudukan Akaun Hasil Disatukan yang telah tersedia mengalami defisit yang besar.

7. Mengambil kira kedudukan kedua-dua akaun ini, jumlah defisit pada 31 Disember 2011 adalah RM891.78 juta berbanding RM933.39 juta pada tahun 2010. Walaupun terdapat penurunan RM41.61 juta atau 4.46% pada tahun 2011 tetapi jumlah defisit masih besar iaitu menyamai 38.56% daripada hasil sebenar tahun 2011. **Ringkasnya kerajaan masih berbelanja melebihi daripada pendapatan, peningkatan dalam perbelanjaan adalah tidak seiring dengan pertambahan hasil dan dengan itu agenda menangani defisit akan terus menjadi dasar utama dalam pengurusan ekonomi dan kewangan kerajaan.**

DASAR DAN STRATEGI BELANJAWAN TAHUN 2013

8. Asas penyediaan cadangan perbelanjaan adalah berpaksikan kepada falsafah induk negeri iaitu Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan dan di peringkat negara iaitu 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Selain daripada itu dasar dan inisiatif seperti Program Transformasi Ekonomi

dengan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Program Transformasi Kerajaan dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam usaha mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 hendaklah dijadikan panduan dalam merangka program/aktiviti/projek.

9. Penyediaan belanjawan hendaklah menepati dasar sediaada ataupun dasar yang diubahsuai. Cadangan Belanjawan perlu mengambilkira Hala Tuju Pembangunan Negeri Terengganu Tahun (HPNT) 2009-2013, Bidang Keberhasilan Utama Negeri, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas yang telah digubal. Memandangkan tahun 2013 adalah tahun terakhir bagi merealisasikan HPNT, Pegawai Pengawal perlu memastikan program/projek tersebut yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut jadual. Pegawai Pengawal juga perlu membuat penyelarasan dengan perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) dan ECER agar tidak ada pertindihan program dan projek.

10. Bagi memastikan kedudukan kewangan negeri terus berdaya saing dan berdaya tahan, langkah-langkah memperkukuhkan kedudukan kewangan melalui pengurusan fizikal berdisplin dan berhemat perlu diberi penekanan utama. Ini termasuklah melaksanakan kawalan dalaman yang lebih berdisplin, pemotongan peruntukan, pengurangan perbelanjaan dan dalam masa yang sama meningkatkan hasil. **Langkah berjimat cermat hendaklah dilaksanakan dan dimulakan di peringkat perancangan dan perbelanjaan dikurangkan kepada tahap sebenar dan optimum. Penilaian bagi mencapai tahap keberkesanan kos (*cost effective*) dengan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan perlulah dibuat.**

11. Tumpuan hendaklah diberi kepada perbelanjaan yang benar-benar penting, yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat serta pada masa yang sama mengelakkan berlakunya pembaziran. Semua program atau projek yang dirangka mestilah mampu memberi impak maksimum kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi negeri dalam merealisasikan agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan. Perancangan dan pelaksanaan program/projek hendaklah yang benar-benar perlu sahaja dan merupakan tanggungjawab sebenar Kerajaan Negeri.

12. Strategi belanjawan negeri pula antara lain adalah seperti berikut:-

- i. mengurangkan defisit
- ii. melaksanakan dasar perbelanjaan berhemat dan berjimat cermat
- iii. memantapkan hasil kerajaan dengan mempelbagaikan sumber hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil

- iv. membangunkan modal insan berkualiti
- v. menjamin kesejahteraan rakyat
- vi. memperkukuhkan daya saing dan daya tahan negeri
- vii. meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam
- viii. menerokai sektor baru bagi menjana pertumbuhan yang lebih mapan
- ix. meneruskan aktiviti pembangunan sebagai penjana utama ekonomi negeri
- x. meningkatkan usaha menarik sektor swasta mengambil bahagian aktif dalam pembangunan negeri.

PENYEDIAAN ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2013

13. Bagi mencapai matlamat kerajaan untuk mengurus defisit secara lebih berkesan dan memastikan perbelanjaan awam adalah berasaskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optimum, merangsang pertumbuhan ekonomi dan nilai wang, Pegawai Pengawal hendaklah mengamalkan pengurusan fiskal berhemat dengan melaksanakan aktiviti dan program secara paling cekap, ekonomi dan berkesan. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian dalam menyediakan cadangan perbelanjaan:-

- i. mematuhi garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa bagi mengawal perbelanjaan awam seperti Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bil 7 Tahun 2008 dan Bil 9 Tahun 2008;
- ii. menilai, mengubahsuai dan menyusun semula program/projek berdasarkan keutamaan semasa Kerajaan, menghentikan program/projek yang didapati tidak lagi sesuai dan mengelakkan pertindihan program/projek atau fungsi jabatan/agensi;
- iii. menyusun semula keutamaan perbelanjaan dengan tumpuan kepada program/aktiviti/projek yang dapat memberi impak segera dan langsung kepada rakyat serta mencapai tujuan jabatan/agensi;
- iv. faktor kewangan dan keupayaan untuk melaksana (implementation capacity) program dan aktiviti;
- v. menyediakan peruntukan emolumen secukupnya termasuk bagi pegawai khidmat singkat/kontrak yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000; dan

- vi. penyelenggaraan aset termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan diberi keutamaan serta implikasi kewangan lain yang menjurus kepada perbelanjaan berulang (belanja pengurusan) selepas sesuatu program/projek siap.
 - vii. memberi penekanan kepada penjimatan dalam penggunaan utiliti dan pelaksanaan aktiviti dan program yang tidak kos efektif. Penganjuran majlis-majlis rasmi/seminar/pameran/kursus dihadkan kepada yang perlu sahaja dan dibuat secara sederhana serta perjalanan/lawatan ke luar negara dihadkan kepada yang benar-benar perlu sahaja dan pada kos yang berpatutan.
14. Penyediaan Anggaran Belanjawan Tahun 2013 hendaklah dibuat melalui talian terus dengan menggunakan Sistem SPEKS Modul Bajet.

Anggaran Hasil Tahun 2013

15. **Mulai tahun 2012 Pegawai Pemungut hendaklah menyediakan Anggaran Hasil Tahun 2013.** Jumlah anggaran hasil hendaklah seboleh-bolehnya tepat dan sebenarnya boleh dikutip. Untuk tujuan ini cadangan hasil boleh disediakan dengan mengambilkira rekod prestasi kutipan hasil yang lepas, perubahan dasar atau peraturan atau kadar dan kemampuan mengutip tunggakan hasil.

Perbelanjaan Mengurus

16. **Batas Perbelanjaan** bagi Belanjawan 2013 setiap jabatan adalah **sama sepertimana kelulusan dalam Belanjawan Tahun 2012 tetapi akan disemak semula dalam usaha mengurangkan perbelanjaan dan defisit kerajaan di samping memastikan aktiviti dalam ekonomi berterusan.** Oleh itu keperluan tambahan peruntukan bagi menampung kenaikan emolumen dan keperluan yang lain hendaklah diambil daripada penyelarasan semula peruntukan OSOL yang lain atau penjimatan melalui pemansuhan atau pengecilan skop program/aktiviti sedia ada. Dalam hubungan ini Pegawai Pengawal hendaklah mengambil langkah-langkah perlu seperti melaksanakan penjimatan, menyusun semula program mengikut keutamaan atau menangguhkan program/aktiviti yang tidak kritikal bagi melaksanakan program/aktiviti penting lain berdasarkan kepada had cadangan perbelanjaan yang ada.

17. Peruntukan emolumen bagi jawatan kosong yang belum diisi tidak perlu disediakan. Bagi jawatan-jawatan yang sedia ada penyediaan peruntukan bagi gaji hendaklah diasaskan kepada perkiraan sebenar setelah mengambilkira kenaikan gaji tahunan dan pertambahan elaun tetap. Langkah ini perlu bagi mengelakkan peruntukan dipohon tidak dianggarkan berlebihan dan dengan

demikian Batas Perbelanjaan dapat diagihkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan lain yang lebih memerlukan.

18. **Semua cadangan peruntukan Dasar Baru dan secara *One-Off* hendaklah dimasukkan ke dalam cadangan belanjawan dan penjelasan/justifikasi yang lengkap hendaklah dikemukakan.** Program atau aktiviti baru ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tertinggi Negeri terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Perbendaharaan Negeri. Penjelasan/Justifikasi bagi program/aktiviti ini hendaklah menggunakan format di Lampiran A berkembar.

19. Pembelian kenderaan hanyalah akan dipertimbangkan kepada jabatan yang telah selesai melupuskan kenderaan lama. Walau bagaimanapun jabatan teknikal yang melupuskan jentera dan bagi memastikan gerak kerja pembangunan tidak tergendala boleh mengemukakan permohonan dengan syarat permohonan berkenaan sebagai gantian kepada kenderaan yang telah rosak dan penggunaannya tidak lagi ekonomik.

20. Setiap program perlu ada ringkasan program. Keterangan tentang objektif, sasaran penggunaannya dan impak terhadap penduduk setempat adalah antara isi kandungan yang perlu dikemukakan.

21. Semua penghantaran penjelasan/justifikasi termasuk peruntukan *One-Off* hendaklah dikemukakan secara e-mail kepada alamat bajet13@terengganu.gov.my. Semua penghantaran e-mail ini hendaklah menggunakan alamat e-mail rasmi jabatan.

Perbelanjaan Pembangunan

22. **Mengambil kira kemampuan sebenar dan usaha untuk menguruskan defisit secara lebih berkesan, siling bagi peruntukan pembangunan 2013 masih dihadkan kepada RM500 juta sahaja.**

23. Penyediaan Belanjawan Pembangunan hendaklah mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri yang bertanggungjawab menimbang, menyelaras dan meluluskan cadangan projek-projek pembangunan. Peruntukan yang dipohon hendaklah diselaraskan agar tidak bertindih dengan agensi Persekutuan ataupun perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang Amanah yang telah ditentukan.

24. Cadangan projek pembangunan hendaklah selari dengan dasar semasa Kerajaan Negeri ***dan hendaklah memberi keutamaan kepada projek-projek yang telah komited dan yang memerlukan kerja sambungan bagi menyiapkan projek-projek berkenaan.*** Projek pembinaan jalan baru dikurangkan sebaliknya tumpuan hendaklah diberikan kepada **penyelenggaraan jalan.** Jabatan-jabatan yang mengendalikan projek hendaklah

memastikan bahawa hanya projek berimpak tinggi dengan faedahnya terus kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi negeri diberi keutamaan.

25. Amalan memasukkan anggaran aset dan keperluan lawatan dalam vot Pembangunan hendaklah dihentikan. Keperluan ini akan dinilai secara berasingan atas dasar kes demi kes.

Perjawatan

26. Kerajaan akan memastikan saiz perjawatan perkhidmatan awam terus terkawal bagi memastikan jabatan mempunyai saiz yang bersesuaian dengan tugas dan fungsi yang perlu dilaksanakan. Di dalam menimbangkan permohonan penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan, Pegawai Pengawal hendaklah menilai semula struktur organisasi, perjawatan sediaada, sistem dan proses kerja supaya tidak berlaku pertindihan fungsi bagi memastikan semua jawatan sediaada melaksanakan tugas secara optimum. Oleh itu sumber-sumber sediaada hendaklah digembelungkan ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang maksima selaras dengan usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Kaedah penempatan semula (*redeployment*) dan tukar ganti (*trade-off*) perjawatan sedia ada hendaklah dilaksanakan bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Kaedah *multi tasking* dan *outsourcing* boleh juga diambilkira.

27. Jawatan-jawatan baru yang telah diluluskan dan mendapat waran kelulusan perlu dirujuk kepada Perbendaharaan Negeri sebelum pengisiannya dibuat. Bagi jawatan baru sekalipun untuk pekerja sementara di institusi baru/agensi baru perlu juga mendapat pandangan Perbendaharaan Negeri sebelum kertas berkenaan diangkat ke MMKN.

PENYAMPAIAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2013

28. Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Cadangan Belanjawan Mengurus 2013 kepada Perbendaharaan Negeri **sebelum 1 Jun 2012** untuk Justifikasi Bagi Peruntukan Dasar Baru dan *One-Off* dan **15 Jun 2012** bagi Belanjawan oleh PTJ.

PERKARA – PERKARA LAIN

29. Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap teguran-teguran Ketua Audit Negara yang membangkitkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan akaun dalam laporannya, dan memastikan adanya keberkesanan tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran tersebut serta syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri. Kelemahan semasa perancangan belanjawan dalam mengenal pasti keperluan kewangan menyebabkan berlakunya perbelanjaan tanpa kelulusan/peruntukan atau melebihi peruntukan, pindah peruntukan yang


diluluskan tidak dibelanjakan, peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan tambah peruntukan (ASV) tidak dibelanjakan langsung

30. Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan teliti bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan. Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan belanjawan mengikut arahan dan peraturan serta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN “
‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ‘**

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu.

23 April 2012

s.k. :

Y.B Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Semua Y.B Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Negeri

- Dimohon YB Dato'/Tuan menyelaraskan penyediaan belanjawan bagi portfolio masing-masing

Setiausaha Sulit Kanan Kepada YAB. Menteri Besar Terengganu.

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu.

Ketua-Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu

FORMAT JUSTIFIKASI BAJET MELEBIHI BATAS

Jabatan : Maksud Bekalan : B

PTJ :

Kod Aktiviti	Objek Sebagai	Objek Lanjut	Bajet 2012 (RM)	Bajet 2013 (RM)	Beza (RM)	% Beza

- i. Nama Program/ Aktiviti
- ii. Sebab-sebab melebihi batas